

Teknologi digital, wanita topik hangat di Dialog CEO APEC

Ekonomi APEC perlu tambah baik infrastruktur supaya lebih ramai usahawan nikmati e-perniagaan

Kuala Lumpur: Dua hari sebelum Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) bermula pada 20 November 2020, komuniti usahawan, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pemimpin pemikiran dari ekonomi anggota bertemu di alam maya, membincangkan bagaimana untuk meneruskan kehidupan di celah kemelut COVID-19.

Diselang-seli dengan ucapan dan temu bual beberapa pemimpin ekonomi APEC, perbincangan yang dijalankan selama 25 jam mencipta rekod kerana ini kali pertama Dialog CEO APEC diadakan dalam talian dan norma baharu dan ini dikatakan, akan diteruskan di New Zealand tahun hadapan.

Bertemakan *APEC Re-Imagined: Priorities In The Aftermath of COVID-19*, ini adalah masa yang paling tepat untuk memikirkan cara terbaik meneruskan kehidupan pada tahun akan datang.

Isu hangat dibincangkan dialog adalah kemunculan ekonomi dan teknologi digital, peranan wanita dan generasi muda yang menjadi tulang belakang ekonomi dan bagaimana untuk mempersiapkan mereka menghadapi perubahan.

Kisah seorang penjual bunga di Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Ketua Pegawai Operasi Facebook, Sheryl Sandberg menarik perhatian hadirin kerana ia mewakili senario yang berlaku di seluruh dunia sekarang.

Kisah benar penjual bunga wanita ini di antara ribuan peniaga yang terkesan dengan Perintah



APEC menjadi medan perbincangan mempersiapkan wanita berdepan perubahan norma baharu kesan penularan pandemik COVID-19.

Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan bagi membendung penularan COVID-19.

Wanita itu, bagaimanapun tidak berputus asa dan menceburkan diri di dalam e-perniagaan dan kini hasil jualan mereka melebihi keuntungan yang diraih sebelum PKP.

Ini adalah bukti teknologi digital berperanan penting ketika dunia sedang bergelut dengan pandemik yang sudah membunuh lebih satu juta penduduk.

Penting bagi ekonomi APEC untuk menambah baik infrastruktur supaya e-perniagaan dapat dinikmati lebih ramai peniaga kecil dan sederhana dan tidak hanya tertumpu kepada bandar besar.

Penutupan sempadan antara

negara juga menimbulkan banyak kesulitan. Industri pelancongan, contohnya, menerima tamparan hebat di mana banyak hotel terpaksa ditutup, termasuk di Malaysia. Industri hiburan turut berasa bahang pandemik.

Oleh itu, sempadan tidak boleh ditutup selamanya kerana ia memberi impak besar kepada industri pelancongan dan juga menyebabkan rakyat menjadi resah kerana merasa terkongkong.

Walaupun ada negara yang ingin mencuba laluan gelembung perjalanan atau *travel bubble* ke negara 'selamat', bukan mudah untuk kembali kepada keadaan normal.

Oleh itu, ekonomi APEC perlu mencari jalan untuk mentransfor-

masikan apa yang perlu untuk merencanakan kembali industri pelancongan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin yang menyampaikan ucapan pada pembukaan Dialog, menggariskan tiga keutamaan sebagai panduan ekonomi APEC di dalam menuju ke hadapan.

Prioriti pertama ialah ekonomi perlu mengukuhkan kembali sokongan dan komitmen terhadap peraturan bagi sistem multi perdagangan. Ini dapat menstabilkan pasaran untuk memastikan pelaburan perdagangan terus berjalan walaupun di dalam waktu krisis.

Keduanya, ada keperluan mendesak untuk mengukuhkan eko-



nomi digital bagi mewujudkan pekerjaan. Ini boleh merencanakan kembali ekonomi yang terhenti sejak awal 2020.

Ketiganya, pertumbuhan ekonomi yang inklusif dapat diteruskan untuk memastikan tiada siapa yang ketinggalan.


Saranan Perdana Menteri itu harus diberi perhatian yang wajar untuk memulihkan semula ekonomi yang terkesan akibat COVID-19.

Ini adalah kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah persidangan APEC, di mana kali pertama adalah pada 1998.

APEC yang dianggotai 21 negara ditubuhkan pada 1989. Tahun ini adalah tahun bersejarah kerana pertama kali diadakan secara maya disebabkan kekangan perjalanan akibat COVID-19.

Pada 20 November, Malaysia telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Ekonomik APEC (AELM) yang secara maya sepenuhnya. Di akhir AELM, Malaysia mencipta satu lagi sejarah apabila berjaya mencapai kesepakatan semua Pemimpin Ekonomi APEC untuk melancarkan Putrajaya APEC 2040 dan Deklarasi Kuala Lumpur 2020.

Sekretariat Kebangsaan kali ini adalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang bekerja keras menyediakan pentas maya untuk mesyuarat-mesyuarat dan forum pra-Persidangan.



APEC berusaha menambah baik infrastruktur negara masing-masing bagi memberi peluang wanita menceburkan diri dalam bidang e-perniagaan.